

**Tuanku Mizan Rasmi Menara Bank Islam
Bernama
October 19 , 2011**

KUALA LUMPUR, 19 Okt (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Tuanku Mizan Zainal Abidin Rabu merasmikan Menara Bank Islam di Jalan Perak di sini.

Menara setinggi 34 tingkat bernilai RM151 juta itu dibangunkan di tanah wakaf milik Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) dan diuruskan oleh Kumpulan Syarikat Tabung Haji Properties, anak syarikat Lembaga Tabung Haji.

Turut hadir pada majlis perasmian itu ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Jamil Khir Baharom, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Dr Mashitah Ibrahim, Pengerusi Lembaga Tabung Haji Tan Sri Abi Musa Asa'ari Mohamed Nor dan Pengerusi Bank Islam Malaysia Berhad Datuk Zamani Abdul Ghani.

Jamil Khir memberitahu pemberita kemudian bahawa sistem kewangan Islam memainkan peranan yang penting sebagai satu daripada pemangkin pembangunan ekonomi negara.

"Malaysia memiliki tanah wakaf yang amat besar dan jika dibangunkan boleh memberi impak positif kepada pembangunan ekonomi umat Islam," katanya.

Beliau berkata institusi wakaf dan harta wakaf perlu dilihat sebagai sumber ekonomi 'terpendam' umat Islam.

"Dengan perancangan, pengurusan dan pelaksanaan tanah wakaf yang teliti, tidak mustahil wakaf akan menjadi sumber baharu kekuatan ekonomi umat Islam," kata Jamil Khir.

Katanya usaha sebegini boleh memberi galakan kepada badan-badan kewangan Islam lain untuk menggunakan tanah wakaf sebagai penjana peluang perdagangan demi kemajuan umat Islam.

---BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=621070>